

**KENYATAAN MEDIA
PENUNTUT-PENUNTUT YANG TELAH
DIKENAL PASTI POSITIF UJIAN PCR COVID-19**

1. Berikutkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pada 7 Februari 2022 mengenai kluster rumah yang melibatkan penuntut-penuntut di beberapa buah sekolah di dalam Kenyataan Media Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.
2. Bertolak dari kenyataan pada 7 Februari 2022 berkenaan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan menyeru kerjasama pihak awam khasnya ibu bapa untuk berhati-hati dan berwaspada dengan mengambilkira nasihat kesihatan sebelum memutuskan untuk keluar rumah bersama ahli keluarga dengan tujuan yang kurang penting. Ini kerana ianya boleh mendedahkan ahli keluarga kepada jangkitan yang boleh menjaskan kehadiran pelajar untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka.
3. Dengan ini, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan menjelaskan bahawa setakat ini tidak ada kluster sekolah telah dikesan. Walau bagaimanapun, Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di Fasa Awal Endemik dan ini bermakna kes-kes COVID-19 (terutama sekali dengan adanya varian Omicron) akan dijangka meningkat, yang mana kes-kes boleh dikesan di mana-mana sahaja termasuk rumah-rumah kediaman, tempat-tempat awam, premis-premis perniagaan mahupun institusi-institusi pendidikan.
4. Oleh itu, orang ramai perlu terus mematuhi SOP dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan serta mengamalkan tanggungjawab sosial semasa kita hidup dengan COVID-19. Ini termasuk:
 - i. Gunakan sungup muka yang bersesuaian apabila keluar dari rumah atau berada di kalangan orang lain;
 - ii. Amalkan penjarakan fizikal;
 - iii. Amalkan kebersihan diri setiap masa;
 - iv. Lakukan ujian ART secara berkala;
 - v. Pastikan ruang dalaman mempunyai pengudaraan yang baik;
 - vi. Dapatkan dos ketiga vaksin COVID-19;
 - vii. Pastikan awda sentiasa dalam keadaan sihat;
 - viii. Gunakan aplikasi BruHealth semasa memasuki premis dan melaporkan status kesihatan; dan
 - ix. Teranah di rumah jika tidak berasa sihat dan dapatkan rawatan jika awda mengalami simptom serupa flu.
5. Orang ramai adalah dinasihatkan sekali lagi untuk tidak berasa panik dan jika awda disahkan positif COVID-19, patuhi protokol kesihatan yang ditetapkan untuk menguruskan jangkitan dengan membuat pengasingan diri di kediaman masing-masing atau tempat-tempat pengasingan yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan.
6. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak COVID-19 di Negara ini dan pihak Kerajaan juga akan memaklumkan kepada orang ramai jika terdapat sebarang perubahan berkaitan dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan. Marilah kita sentiasa mendoakan Negara Brunei Darussalam terus dipelihara dari wabak COVID-19.

TAMAT

**MEDIA STATEMENT
ON STUDENTS WHO HAVE BEEN DETECTED
POSITIVE WITH PCR COVID-19 TESTS**

1. Following the statement issued by the Ministry of Health on 7 February 2022 on home clusters involving students in several schools in the Media Statement on the Current Situation of COVID-19 in Brunei Darussalam.
2. Subsequent to the aforementioned statement on 7 February 2022, the Ministry of Health and the Ministry of Education urge for the cooperation of the public, especially parents to be careful and vigilant by taking into account health advices before deciding to go out with family members for less essential purposes. This is because it can lead to the exposure of family members to infections that can affect students' attendance to conduct face-to-face learning.
3. With this, the Ministry of Health and the Ministry of Education would like to clarify that so far, no school clusters have been detected. However, Brunei Darussalam is currently in the Early Endemic Phase and this means that COVID-19 cases (especially with the Omicron variant) will be expected to increase, with cases that can be detected anywhere including residential houses, public places, business premises or educational institutions.
4. Therefore, members of the public must continue to adhere to the SOPs and guidelines set by the Government and practice our social responsibility as we live with COVID-19. This includes:
 - i. Wear a well-fitting face mask when going out or around others;
 - ii. Practice physical distancing;
 - iii. Practice personal hygiene at all times;
 - iv. Get yourself regularly tested with ART;
 - v. Ensure indoor spaces have good ventilation;
 - vi. Get the third dose of the COVID-19 vaccine;
 - vii. Ensure you are always in good health;
 - viii. Use the BruHealth app when entering premises and reporting health status; and
 - ix. Stay at home if you are unwell and get yourself checked if you have flu-like symptoms.
5. Members of the public are once again advised to not feel panic and if you are tested positive with COVID-19, follow the set health protocols to manage the infection by self-isolating yourself at your respective residence or places of isolation that have been provided by the Ministry of Health.
6. The Ministry of Health will continue to monitor the situation of the COVID-19 infection in the country and the Government will also inform the public if there are any changes to the guidelines issued by the Government. Let's continue to pray that Brunei Darussalam stays protected from the COVID-19 infection.

- END -